

04 MAY 1997

Megat - Serenti

PELATIH YANG DISYAKI EDAR DADAH AKAN DIPINDAH, KATA MEGAT

GERIK, 4 Mei (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengarahkan komandan Pusat-pusat Serenti supaya memindahkan pelatih yang disyaki mengedar dadah ke pusat serenti lain untuk mengelak sebarang kemungkinan buruk.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, mana-mana pelatih yang disyaki dan telah disoal siasat bersabit pembabitkan mereka dalam pengedaran dadah mesti dipindahkan ke pusat serenti lain.

"Langkah itu bertujuan mengelak berlaku pelatih membalas dendam kepada pentadbiran pusat berkaitan dengan mengambil tindakan ganas seperti membakar bangunan", katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pendidikan ibu anjuran Umno Bahagian Gerik di sini.

Beliau yang diminta mengulas tindakan pelatih pusat serenti Perlop, kira-kira 50 km dari sini, yang membakar dua blok bangunan di pusat itu pada 30 April lepas berkata, ia berlaku kerana kesilapan pihak berkuasa menyerahkan semula tiga pelatih yang disyaki mengedar dadah, kepada pusat berkenaan.

"Jika pelatih itu tidak dihantar semula ke pusat itu selepas disoal siasat, saya rasa berkemungkinan kejadian itu tidak berlaku", tambah beliau.

"Saya tidak mahu lagi mendengar dan melihat pelatih pusat serenti merusuh serta merosakkan harta benda kerajaan seperti yang berlaku di Perlop dan Pusat Serenti Jeli sebelum ini", katanya.

Mengenai siasatan ke atas pelatih, beliau berkata ia perlu dilakukan bagi memastikan pusat serenti bebas daripada dadah selain bertujuan mendapat maklumat pembekal dadah berkenaan.

"Bagi pelatih pula, saya menasihatkan mereka supaya serius jika hendak dipulihkan, tidak berkelakuan liar selain jangan harapkan layanan lima bintang semasa dalam pemulihan", tegas beliau.

Megat Junid juga berkata, draf pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi memasukkan peruntukan merotan ke atas pelatih pusat serenti yang melarikan diri, sudah siap dan telah dihantar kepada Peguam Negara untuk semakan.

Draf itu akan dibawa ke mesyuarat Kabinet untuk diluluskan sebelum dibentangkan di Parlimen, tambah beliau.

Selain merotan pelatih yang melarikan diri dari pusat serenti, draf itu turut membabitkan tindakan rotan ke atas kakitangan lokap, pusat serenti dan penjara yang didapati membekalkan dadah kepada pelatih dan banduan, tambah beliau.

"Mengikut cadangan asal, hanya pelatih pusat serenti yang melarikan diri bagi kali kedua sahaja akan dirotan tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan sebatan dibuat jika mereka melarikan diri bagi kali pertama", katanya.

Ketika berucap pada majlis itu, Megat Junid meminta ibu bapa supaya kembali kepada nilai-nilai murni kehidupan keluarga besar bagi memastikan anak-anak muda tidak mudah terjebak dalam gejala sosial yang kini menjadi musuh negara.-- BERNAMA

LAT OBA